

23/10/2003

Malaysia tawar jadi pusat kerjasama profesional

Norhayati Md Said

JOGJAKARTA: Malaysia sedia menjadi hub atau pusat pengumpulan sumber sedia

ada di rantau ini yang boleh dijadikan rujukan untuk membantu pertukaran idea dan kerjasama profesional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pusat itu akan memudahkan pertukaran idea dan membuka ruang untuk pergerakan profesional dari dalam dan luar rantau ini.

"Profesional ini perlu mengetahui perkembangan terbaru dan bersedia untuknya," katanya ketika berucap selepas menerima Anugerah Felo Kehormat

Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Kejuruteraan Asean (Afeo) di sini semalam.

Anugerah berprestij itu, yang diberikan sempena persidangan tahunan ke-

21 Afeo berlangsung di sini, diberikan kepada Perdana Menteri bagi menghargai jasanya kepada kemajuan profesion itu di rantau ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar, Datuk Seri

Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Duta Besar Malaysia, Datuk Hamidon Ali.

Dr Mahathir berkata, dengan meluasnya liberalisasi dan perdagangan bebas, mereka dalam profesion itu mungkin mendapati diarah oleh pihak lain

dari luar rantau ini, dan segala peluang pekerjaan direbut oleh orang lain

dengan tinggal sisa untuk mereka.

Beliau berkata, Pendaftar Jurutera Asean (AER) sudah pun ditubuhkan di mana Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM) sebagai sekretariatnya.

AER dapat mewujudkan asas bagi membentuk kerjasama antara jurutera Asean

misalnya dengan pengiktirafan kelayakan yang akan memudahkan jurutera bergerak di semua negara anggota Asean.

Pendaftaran itu juga membantu memberi maklumat mengenai kelayakan jurutera bagi faedah majikan selain meningkatkan kualiti mereka menerusi pemantauan dan kajian semula mengenai mutu bidang berkenaan.

"Ia juga dapat memperkenalkan budaya dan hubungan profesional di kalangan mereka bagi membangunkan negara anggota Asean," katanya.

Beliau berkata, setakat ini jurutera Asean sudah membuktikan kebolehan mereka dengan mengeluarkan barangan bermutu tinggi yang mencapai taraf antarabangsa.

"Asean sepatutnya menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan

dan tidak hanya menunggu orang lain mencipta dan mewujudkan kaedah untuk mereka tiru.

"Sebaliknya mereka perlu melakukan penyelidikan dan membangunkan sendiri

kaedah dan sistem mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, jurutera Asean perlu menangani semua halangan

termasuk perubahan minda. Daripada bersaing sesama sendiri di rantau ini, lebih baik semua sumber dan kepakaran yang ada disatukan dan berusaha mengambil kembali kerja atau projek yang sebelum ini dilakukan oleh jurutera Eropah dan Amerika Syarikat.

"Jika ada penggabungan semua sumber tenaga akan membolehkan usaha mendapatkan kerja dan projek sama ada di rantau ini mahu pun di luar akan lebih berjaya," katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah perlu mencari penyelesaian yang boleh memberi manfaat kepada semua negara anggota Asean terutama yang kurang membangun. Menerusi program yang sesuai, negara lebih maju boleh membantu dengan memindahkan kemahiran dan teknologi kepada negara kurang maju untuk memakmurkan jiran.

"Jurutera muda perlu digalakkan bergerak di rantau ini. Ia akan membolehkan kita mengenal pasti kepakaran yang diperlukan di rantau ini daripada mendapatkannya dari luar.

"Selain itu latihan bagi graduan kejuruteraan juga perlu diselaraskan supaya mencapai keperluan dikehendaki," katanya.